

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
(TELOK KEMANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 05.04.2018**

**Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [ TELOK KEMANG ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) rancangan Kerajaan menjayakan sistem kewangan Islam berbanding kewangan konvensional dalam masa sepuluh tahun bermula tahun 2008 sehingga 2018 khususnya dalam aspek pembiayaan perumahan dan kenderaan; dan
- (b) penglibatan rakyat Malaysia secara keseluruhan dalam perbankan Islam serta kesannya terhadap perkembangan ekonomi negara .

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem kewangan Islam merupakan satu komponen penting dalam sistem kewangan di Malaysia. Ini terbukti berdasarkan peningkatan penguasaan pasaran daripada hanya 14.1% pada tahun 2008 kepada 29.9% (RM823.8 bilion) pada akhir tahun 2017 daripada segi aset, manakala peningkatan daripada 19% kepada 34.9% (RM605.5 bilion) daripada segi pembiayaan. Kadar pertumbuhan purata keseluruhan pembiayaan Islam kekal tinggi bagi tempoh lima tahun kebelakangan ini iaitu sebanyak 18%.

Dalam aspek pembiayaan kenderaan dan perumahan Islam, kadar penguasaan pasaran pada akhir tahun 2017 telah mencecah hampir satu pertiga iaitu sebanyak 30.7% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan atau pinjaman perumahan dan kenderaan yang ditawarkan berbanding dengan hanya 17.8% pada tahun 2008. Pembiayaan perumahan Islam mencatatkan kadar pertumbuhan purata dua angka iaitu sebanyak 21.8% bagi tempoh 2008 hingga 2017, jauh lebih tinggi berbanding dengan kadar pertumbuhan purata pinjaman perumahan konvensional sebanyak 8.6% bagi tempoh yang sama. Manakala, pembiayaan kenderaan Islam juga mencatatkan kadar pertumbuhan purata yang lebih tinggi berbanding dengan pinjaman kenderaan konvensional dari tahun 2008 sehingga 2017 iaitu sebanyak 8.1% bagi kewangan Islam berbanding dengan 1.5%

untuk konvensional. Daripada segi inovasi, produk pembiayaan perumahan baharu yang berlandaskan konsep *ijarah (Rent-to-Own)* telah berjaya dihasilkan berpandukan piawaian Syariah terbitan Bank Negara Malaysia (BNM) yang memberikan pencerahan mengenai aplikasi konsep Syariah.

Pertumbuhan pesat bagi aktiviti pembiayaan Islam ini adalah hasil komitmen tinggi kerajaan dalam memperkasakan sistem kewangan Islam. Pelbagai langkah menyeluruh telah dilaksanakan, antaranya adalah seperti berikut :

- i) Peruntukan undang-undang yang jelas bagi memacu pertumbuhan sistem kewangan Islam menerusi Akta Bank Negara Malaysia 2009 and Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013;
- ii) Pelaksanaan langkah strategik dalam meningkatkan kapasiti institusi kewangan Islam, membangunkan prasarana kewangan, membangunkan rangka kerja pengawalseliaan dan mengantarabangsakan kewangan Islam melalui dua pelan induk kewangan iaitu Pelan Induk Sektor Kewangan (2001-2010) dan Pelan Sektor Kewangan (2011-2020);
- iii) Penambahbaikan undang-undang percukaian bagi menangani keunikan produk kewangan Islam melalui kaedah-kaedah seperti

berikut :

- Pindaan beberapa undang-undang untuk memberikan layanan saksama ke atas produk kewangan Islam dan kewangan konvensional; dan
- Peruntukan insentif cukai bagi tempoh jangka masa yang ditetapkan untuk menggalakkan pembangunan produk baharu kewangan Islam.

Penglibatan rakyat Malaysia dalam sektor perbankan Islam pula, boleh dilihat daripada sudut tenaga kerja mahir. Pada tahun 2017, sejumlah 21,398 tenaga pekerja terlibat dalam profesion industri perbankan Islam dan takaful di Malaysia. Daripada jumlah ini, sebanyak 99.6% iaitu seramai 21,322 orang adalah terdiri daripada rakyat Malaysia. Pada tahun yang sama, sebanyak 4,562 tenaga kerja baharu telah diambil oleh sektor perbankan Islam dan 787 pekerjaan baharu telah dihasilkan.

Sumbangan kepakaran rakyat Malaysia sebagai tenaga kerja mahir dalam sektor kewangan Islam di Malaysia membolehkan sektor perbankan Islam bersifat lebih berdaya saing terutamanya untuk menawarkan produk-produk yang lebih inovatif dan kompetitif. Kemahiran ini juga adalah antara faktor yang meletakkan Malaysia

pada kedudukan terbaik sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa. Penerbitan sukuk umpamanya memerlukan kemahiran pengetahuan kewangan yang tinggi. Kepakaran rakyat Malaysia dalam instrumen ini amat dihormati dan kepakaran ini bukan sahaja untuk menghasilkan pelbagai penerbitan sukuk di dalam negeri sahaja, malah untuk penerbitan sukuk di luar negara.

Pembangunan kewangan Islam juga menghasilkan pekerjaan dalam bidang sokongan profesional seperti perundangan dan perakaunan; begitu juga dalam bidang pendidikan menerusi penyelidikan, pengajian tinggi dan latihan profesional seperti INCEIF (*International Centre for Education in Islamic Finance*), ISRA (*International Shari'ah Research academy for Islamic Finance*) dan IBFIM (*Islamic Banking and Finance Institute Malaysia*) yang turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara secara keseluruhan.